

Merealisasikan Visi Fakulti Melalui Strategic Road Map



Kuching: Bengkel *Faculty Strategic Road Map* telah diadakan pada 18-19 Mac 2023 bertempat di sebuah hotel terkemuka di Bandaraya Kuching. Bengkel telah dihadiri oleh kesemua Dekan Fakulti dan SF Owner.

Bengkel ini adalah sebagai susulan kepada persetujuan yang dicapai semasa Sumbangsaan Majlis Dekan yang berlangsung di Sibu pada 1-3 Februari 2023 lalu

yang memutuskan agar semua fakulti perlu mempunyai pelan hala tuju tersendiri. Ini amat penting dalam memastikan inisiatif fakulti adalah sejajar dengan Pelan Strategik Universiti.

Ia juga akan membantu memastikan semua warga Universiti bekerjasama ke arah matlamat yang sama. YBhg Naib Canselor dalam pembentangnya berkata pelan hala tuju fakulti adalah

penting bagi menyusun strategi kemampuhan masa depan fakulti dan memanfaatkan kekuatan sedia ada untuk mencapai aspirasi Universiti.

Kesemua Dekan Fakulti telah membentangkan pelan hala tuju masing-masing pada bengkel selama 2 hari ini. Turut hadir ialah Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Penolong Naib Canselor, Pendaftar dan Bendahari.

Bengkel Semakan Dokumen ISMS

Kota Samarahan: Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) yang dikoordinasikan oleh SQRC dan CITDS telah mengadakan Bengkel Semakan Dokumen ISMS pada 27-28 Mac 2023 bertempat di Bilik Mesyuarat CITDS, TAHO DC.

Selain mengemaskini dokumen ISMS, objektif bengkel ini adalah untuk menyampaikan taklimat berkenaan semakan dan peralihan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat ke versi baharu ISO/IEC 27001:2022 dan menyemak serta mengkaji semula semua dokumen induk ISO/IEC 27001:2013.



Demo Sistem SPeeD 2.0

Kota Samarahan: Sesi demo *System for Performance Delivery and Monitoring (SPeeD) 2.0* telah diadakan pada 23 Mac 2023 bertempat di SQRC. Demo kali kedua ini telah dikendalikan oleh Pn HjH Majina Sulaiman, Penolong Pengarah Kanan (Bahagian Aplikasi Strategik), Pusat Pembangunan dan Khidmat Teknologi Maklumat (CITDS).



Staf SQRC mengikuti sesi demo SPeeD 2.0 secara atas talian



Sesi Perjumpaan Bersama Pengurus Risiko PTj

Kota Samarahan: Unit Pengurusan Risiko SQRC telah mengadakan sesi perjumpaan bersama Pengurus Risiko PTj pada 31 Mac 2023 bertempat di Bilik Mesyuarat SQRC.

Ia dikendalikan oleh Pn Dayang Zuliana Abang Abdul Rahman (Penolong Pendaftar Kanan), Pn Adeline Ann Lubi (Penolong Pegawai Tadbir) dan En Mohd Hairulnizam Mohd Zamri (Penolong Pegawai Teknologi Maklumat).

Perbincangan menjurus kepada persediaan PTj untuk pelaporan Pengurusan Risiko UNIMAS (Q1) oleh SQRC kepada Jawatankuasa Tetap Pengurusan Risiko UNIMAS Bil 2/2023 pada 5 April 2023.

Ia memberi fokus kepada pelaporan risiko signifikan (Tahap Tinggi & Sangat Tinggi) dan daftar risiko baharu setakat 15 Mac 2023.



Sesi Perjumpaan SQRC bersama Pengurus Risiko PTj


THE DataPoints Orientation

Kuching: Pihak Times Higher Education (THE) telah mengadakan sesi orientasi THE DataPoints bersama UNIMAS pada 17 Mac 2023. Sesi penyesuaian ini dikendalikan oleh Ms Chloe Chiong, *Head of Customer Success – Data*, THE yang berpangkalan di Singapura. THE DataPoints mempunyai beberapa fungsi atau cerapan yang berpotensi membantu Universiti dalam proses penghantaran data. Proses penghantaran data bagi *World University Rankings (WUR)* akan berakhir pada 3 April 2023.



Majlis Penghargaan Staf

Kuching: SQRC telah menganjurkan Majlis Penghargaan khusus kepada En Gustinata Basuan pada 17 Mac 2023 yang lalu. Majlis ringkas tersebut adalah sebagai penghargaan kepada beliau yang akan berpindah ke Pejabat Naib Canselor mulai 3 April 2023. En Gustinata telah mula berkhidmat di SQRC sejak 17 Ogos 2016.





PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

PENGARAH:
PROF DR TARMIMI MASRON

TIMBALAN PENGARAH:
PROF MADYA DR LEE NUNG KION

PENOLONG PENDAFTAR KANAN:
DAYANG MAZINA AWANG BATU
DAYANG ZULIANA ABG ABD RAHMAN

PENOLONG PEGAWAI TADBIR KANAN:
GUSTINATA BASUAN
ADELINE ANN LUBI

PEN PEG TEK MAKLUMAT KANAN:
MOHD HAIRULNIZAM MOHD ZAMRI

SETIAUSAHA PEJABAT:
NUR AISHAH JORI

PEMBANTU TADBIR KANAN:
NORISA MOHAMAD SAHARI

PEMBANTU TADBIR:
SITI AFIZAH JAMIL
MOHD HAFIZUDDIN SULAIMAN

PEMBANTU OPERASI:
ROZAIMI ANIS


Kalendar Aktiviti

Mac 2023

BIL	PERKARA	TARIKH
1	Retreat SQRC	3-4/3/2023
2	Hands on Risk Register	6-10/3/2023
3	Faculty Strategic Roadmap Pre-Workshop	6/3/2023
4	Risk Management Report Submission (Q1)	15/3/2023
5	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Prestasi Program (PPMC) OBB KPT	15/3/2023
6	THE DataPoints Refresher Training	17/3/2023
7	Strategic Roadmap Workshop	18-19/3/2023
8	Bengkel Semakan Dokumen ISMS	27-28/3/2023
9	Mesyuarat Kualiti Data (MKD) MyMoheS Bil.01/2023	27/3/2023
10	QS WUR: Sustainability 2024 Submission	28/3/2023
11	Mesyuarat JK ISMS Bil.01/2023	30/3/2023

April 2023

BIL	PERKARA	TARIKH
1	THE WUR 2024 Submission	3/4/2023
2	Mesyuarat JKPR Bil.02/2023 Ke-13	5/4/2023
3	Mesyuarat Penyelarasan Data MyMoheS Modul Pelajar	6/4/2023
4	Taklimat Sistem MyResults KPT (Belanjawan 2024)	11/4/2023
5	Pelaporan Pencapaian Prestasi Outcome Based Budgeting (OBB) - Q1	14/4/2023



STRATEGIC PLANNING, QUALITY
& RISK MANAGEMENT CENTRE

Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko

Universiti Malaysia Sarawak

Aras 3, Canselor

94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia